

## **ISLAMIC ENTREPRENEURSHIP AMONG THE SMALL MEDIUM ENTREPRENEUR: STUDY IN JOHOR BAHRU**

**Mohd Khairul Annuar Mohd Satar**

Director of Tafaqquh and Profesionalisme Centre, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH).

### **Abstract**

The purpose of this research is to identify the Islamic entrepreneurship strategy among the small medium entrepreneur in Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim. This research was done by observation and interviewing the Muslim small medium entrepreneurs in Johor Bahru. The research finding will shows the level of entrepreneurship among them. In overall, this research will also shows that the Muslim entrepreneurs in Johor Bahru should own and practice the the real characheristic of Islamic entrepreneurship.

**Keywords:** Islamic entrepreneurship characheristic, Small medium entrepreneur

## **KEUSAHAWANAN ISLAM DI KALANGAN PENIAGA KECIL: KAJIAN DI JOHOR BAHRU**

### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti strategi keusahawanan Islam di kalangan peniaga kecil di Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim. Kajian ini telah dilaksanakan secara observasi dan temubual ke atas peniaga kecil beragama Islam di Johor Bahru. Hasil kajian ini nanti akan menunjukkan bahawa tahap keusahawanan Islam di kalangan peniaga kecil di Johor Bahru. Secara keseluruhannya, kajian ini juga nanti akan menunjukkan bahawa usahawan muslim di Johor Bahru perlu memiliki dan mengamalkan ciri-ciri keusahawanan Islam yang sebenar

**Katakunci:** Ciri-ciri keusahawanan Islam, peniaga kecil.

### **PENDAHULUAN**

Keusahawanan Islam merupakan kaedah mencari rezeki yang bersandarkan hukum syarak kerana Rasulullah S.A.W dalam sabdanya menyatakan bahawa;

*“Sembilan dari sepuluh pintu rezeki ada pada perniagaan”*

Selain itu, Allah S.W.T telah memerintahkan manusia untuk berusaha mencari rezeki yang halal. Sebagaimana menurut firmannya dalam al-Quran;

*“Apabila telah ditunaikan solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi; dan carilah kurnia Allah dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu beruntung”.*

(Surah:al-Jumuah, 62:10)

Ayat di atas menerangkan bahawa setelah kita mengerjakan solat, kita diminta untuk mencari kurnia Allah S.W.T. iaitu dengan berusaha untuk mencari rezeki yang halal. Rasulullah pernah bersabda bahawa sebaik-baik mata pencarian adalah menjadi seorang pedagang;

*“Bahaha Rasulullah ditanya mengenai apakah pekerjaan yang paling baik. Rasulullah menjawab “kerja seseorang dengan tangannya sendiri dan perniagaan yang diberkat”*

Johor merupakan sebuah negeri di Malaysia merupakan salah sebuah negeri yang berkembang pesat di selatan Malaysia.

Johor Bahru terletak di selatan Semenanjung Malaysia merupakan bandaraya selatan di Malaysia. Johor Bahru yang mempunyai 497,067 penduduk di pusat bandar (Majlis Bandaraya Johor Bahru mempunyai penduduk 497,067 tahun 2010) merupakan bandaraya kedua terbesar selepas Kuala Lumpur (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) yang mempunyai 1,588,750 orang penduduk. Bandaraya Johor Bahru terletak di dalam wilayah Iskandar Malaysia dengan mempunyai penduduk melebihi daripada 2.4 juta orang merupakan zon metropolitan ketiga terbesar di Malaysia selepas Zon Metropolitan Lembah Klang dan Zon Metropolitan Georgetown.

Sebagai salah satu daripada dua pusat bandaraya yang utama di Semenanjung Malaysia (selain daripada Kuala Lumpur dan Pulau Pinang), Johor Bahru adalah pusat perindustrian, logistik dan perdagangan yang penting. Industri-industri utamanya termasuk kilang-kilang elektronik, kilang-kilang membina kapal, dan juga kilang-kilang penapis bahan sumber semulajadi dan bahan kimia daripada petroleum.

Kehadiran syarikat milik Singapura serta rakyat Singapura adalah ketara. Pusat beli-belah yang banyak di Johor Bahru memenuhi keperluan pelancong Singapura yang melawat bandar raya ini untuk membeli-belah atau berhibur, mengambil kesempatan terhadap mata wang Singapura yang lebih kukuh. Hasilnya, pemandangan aktiviti beli-belah di Johor Bahru adalah sangat pesat bagi sebuah bandar raya yang mempunyai saiz sedemikian. Daerah beli-belah utama terletak di pusat bandar raya, manakala sebilangan pusat beli-belah besar terletak di pinggir bandar raya.

Kawasan perindustrian berat pula terletak di Pasir Gudang dan Tanjung Langsat, yang terletaknya di kawasan metropolitan timur. Ia mengandungi kelompok kilang penapis, kilang memproses kimia, dan kilang membina kapal. Manakala kawasan perindustrian ringan dan sederhana terletak di Tebrau, Tampoi, Senai, Skudai dan Kulai, iaitu di daerah metropolitan utara dan barat laut.

Johor Bahru menikmati hubungan ekonomi yang rapat dengan Singapura. Ramai penduduk di Johor Bahru bekerja di Singapura berikutan kadar gaji yang lebih tinggi daripada di Malaysia bagi kerja yang sama, sebahagiannya disebabkan nilai Dolar Singapura yang lebih kukuh iaitu tiga kali ganda.

Atas sebab yang sama, ramai warga Singapura melawat Johor Bahru untuk membeli-belah, berhibur dan makan, atau tinggal di sana.

Ramai warga Singapura yang memiliki harta tanah, perniagaan serta kilang di Johor Bahru. Dianggarkan seramai 300,000 warga Malaysia bekerja di republik itu dan seramai 150,000 orang menaiki kendaraan berulang-alik untuk bekerja di Singapura.

Di bawah pelan induk Wilayah Pembangunan Iskandar, Johor Bahru dijangka akan berkembang menjadi sebuah kawasan metropolitan besar dengan bilangan penduduk melebihi 3 juta orang menjelang tahun 2025, yang kedua terbesar di Malaysia selepas Lembah Klang. Pertumbuhan penduduk dijangka akan melimpah sehingga ke daerah berjiran iaitu Pontian, Kulai dan Kota Tinggi, menghasilkan satu kawasan perbandaran yang boleh jadi lebih besar daripada anggaran pelan induk tersebut, berkemungkinan lebih ganda lima kali saiz Singapura.

## **JOHOR BAHRU MERUPAKAN IBU NEGERI JOHOR.**

Di sekitar kawasan metropolitan Johor Bahru, terdapat banyak pusat membeli belah utama seperti Johor Bahru City Square, KOMTAR Johor Bahru City Centre, Landmark Mall, Plaza Pelangi, The ZON Duty Free, KSL City, Danga City Mall, Holiday Plaza, Pelangi Leisure Mall, Plaza Sentosa, Jaya Jusco dan lain-lain lagi tetapi penyelidik telah memilih untuk membuat kajian di Pasar Tani Larkin, Bazar Karat dan Pasar Awam Larkin sebagai pusat kajian kerana terdapat ramai peniaga kecil Muslim yang menjalankan aktiviti keusahawanan.

### **Pasar Tani Larkin**

Pasar Tani Larkin ini dahulunya diadakan di perkarangan tempat letak kereta Stadium Tan Sri Hasan Yunos, Larkin, Johor Bahru. Pasar Tani ini beroperasi pada setiap hari Sabtu bermula dari jam 7.00 pagi hingga jam 12.00 tengah hari. Pasar Tani dibawah kelolaan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui agensinya iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) ini bertujuan untuk mewujudkan ruang pasaran tersendiri bagi petani atau pengeluar memasarkan hasil keluaran mereka sendiri terus kepada pengguna.

Pasar Tani sebagai ‘Medan Pertemuan Pengeluar Pengguna’ telah menjadi institusi pemasaran yang utama di negara ini. Konsep Pasar Tani yang bercirikan mudah alih dan bersuasana karnival dengan identiti tersendiri telah dilancarkan pada 31 Januari 1985 di Johor Bahru. Pasar-pasar Tani yang telah diwujudkan adalah terdiri daripada Pasar Tani Mega, Pasar Tani Desaraya, Pasar Tani Borong, Pasar Tani Kekal dan juga Pasar Tani Bunga.

Penubuhan Pasar Tani ini diharapkan dapat melahirkan lebih ramai petani bersikap lebih responsif serta mempercepatkan proses pembangunan sosioekonomi masyarakat tani iaitu selaras dengan Dasar Pertanian Negara (DPN).

Namun sejajar dengan perkembangan semasa dan projek naik taraf Stadium Tan Sri Hasan Yunos, Larkin, Johor Bahru oleh pihak berkuasa maka lokasi asal Pasar Tani Larkin telah ditukarkan ke Jalan Datin Halimah dan kini dikenali sebagai Pasar Tani Datin Halimah, Larkin, Johor Bahru.

### **Bazar Karat**

Bazar Karat Johor Bahru yang terletak di sekitar Jalan Segget bermula kira-kira lapan tahun lalu dengan hanya 20 orang peniaga dan kini telah meningkat sehingga 450 orang peniaga. Bazar Karat ini yang diiktiraf antara pusat tarikan pelancong di bandaraya Johor Bahru sejak akhir-akhir ini kerana keunikannya disamping kepelbagaiannya barang yang diniagakan kebanyakannya oleh peniaga kecil muslim.

Kegiatan perniagaan di Bazar Karat ini sentiasa dipantau oleh pihak pengawas Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pengunjung dan peniaga.

Lokasi Bazar Karat ini semakin meluas dan meliputi beberapa kawasan lain disekitar bandaraya antaranya Jalan Dhoby, Jalan Trus dan Jalan Dato' Onn.

### **Pasar Awam Larkin**

Pasar Awam Larkin mempunyai hampir 800 orang peniaga dan mendapat tarikan pengunjung warga Singapura yang paling ramai berbanding dengan rakyat tempatan iaitu 60 peratus.

Pasar Awam Larkin terkenal sebagai tempat jualan barang-barang keperluan harian bagi masyarakat tempatan seperti ikan, ayam, daging, sayur-sayuran di aras bawah manakala di aras satu menempatkan jualan pakaian, peralatan ketukangan, pengurup wang, ubat-ubatan dan sebagainya. Aras tiga pula menempatkan medan selera bagi pengunjung yang ingin menikmati pelbagai juadah.

Pasar Awam Larkin juga menyediakan kemudahan asas yang selesa seperti pengangkutan awam, tandas awam dan masjid untuk pengunjung kerana bangunan Pasar Awam Larkin terletak bersebelahan dengan Kompleks

Pengangkutan Awam Larkin yang menempatkan hentian bas dan teksi paling utama di daerah Johor Bahru.

## **METODOLOGI**

Metodologi kajian ini terdiri daripada observasi dan temubual. Manakala skop kajiannya adalah perniagaan kecil.

Menurut Kamus Dewan, istilah perniagaan bermakna perihal bermiaga atau perdagangan. Perniagaan pula berasal dari kata “niaga” yang bererti jual beli. Sedangkan menurut Kamus Bahasa Malaysia Edisi Pelajar, istilah niaga adalah bermiaga atau berjual beli. Maksud istilah perniagaan dari dua kamus tersebut adalah sama, iaitu perihal bermiaga atau berdagang.

Maksud kecil, menurut Kamus Dewan memiliki banyak erti dan diantaranya adalah bermakna tidak banyak (jumlahnya dan lain-lain lagi) atau tidak melibatkan ramai ramai orang. Dalam hal ini, maksud kecil adalah tidak banyak jumlah pendapatan yang dicapai atau tidak melibatkan banyak pekerja. Justeru, definisi perniagaan kecil adalah perihal perdagangan atau bermiaga yang memiliki jumlah pendapatan kecil dan tidak melibatkan ramai pekerja (terkadang tidak sama sekali).

### **Keusahawanan Islam di Johor Bahru**

Dalam penyelidikan penyelidik di Johor Bahru terutama di Pasar Tani Larkin, Bazar Karat dan Pasar Awam Larkin, penyelidik telah melihat dan menemubual beberapa orang peniaga kecil Muslim yang telah mempraktikan cara keusahawanan Islam.

Namun begitu, masih ramai lagi para usahawan yang tidak mempraktikan keusahawanan Islam tersebut. Beberapa cara yang telah dipraktikkan oleh para usahawan, iaitu:

#### **1. Menjadi usahawan yang jujur dan amanah**

Penyelidik mendapati di Pasar Tani Larkin, Bazar Karat dan Pasar Awam Larkin mendapati para peniaga kecil muslim yang ditemubual menjalankan perniagaan mereka secara jujur dan amanah. Mereka menjalankan perniagaan seperti menjual makanan yang halal, menjual pakaian yang menutup aurat seperti jubah, baju kurung, baju melayu, tudung, telekung dan lain-lain lagi.

Namun begitu, penyelidik mendapati terdapat ramai peniaga muslim yang menjual produk-produk tiruan seperti jersi pasukan bola sepak, kasut sukan, dan

lain-lain lagi yang sedikit sebanyak menjelaskan sifat kejujuran dan amanah dikalangan peniaga kecil muslim.

## **2. Menjalinkan kemesraan dengan pelanggan**

Penyelidik mendapati di Pasar Tani Larkin, Bazar Karat dan Pasar Awam Larkin mendapati mereka sentiasa menjalinkan hubungan yang baik dengan pelanggan dengan mengamalkan budi bahasa yang baik, sopan santun, ramah dan murah dengan senyuman.

## **3. Menjadikan bidang keusahawanan sebagai satu ibadah bukan sebagai punca rezeki semata-mata.**

Penyelidik mendapati di Pasar Tani Larkin, Bazar Karat dan Pasar Awam Larkin mendapati terdapat beberapa orang peniaga kecil yang menjalankan perniagaan bukan semata-mata untuk mencari keuntungan tetapi sebagai satu ibadat. Mereka sentiasa mengamalkan pemberian sedekah dan mengeluarkan zakat hasil daripada keuntungan perniagaan yang mereka perolehi untuk mendapat keberkatan dari Allah SWT.

## **OBSERVASI**

Sejak tanggal 1 April 2016, penyelidik telah mengadakan observasi ke beberapa pusat perniagaan peniaga kecil muslim di sekitar Johor Bahru dan kunjungan pertama penyelidik ialah ke Pasar Tani Larkin yang kini terletak di Jalan Datin Halimah, Larkin, Johor Bahru. Penyelidik mendapati Pasar Tani Larkin merupakan salah satu tumpuan utama pelancong Singapura selain penduduk tempatan untuk mendapatkan bahan-bahan mentah yang halal, murah dan segar seperti sayur-sayuran, ikan, ayam, dan daging jika dibandingkan dengan beberapa pasaraya di Johor Bahru. Walaupun dengan kebanjiran warga Singapura yang mempunyai kuasa membeli yang tinggi ianya tidak menghalang peniaga kecil Muslim untuk mempraktikan keusahawanan Islam dengan menjual barang dengan harga yang berpatutan. Hal seperti ini telah dipraktikan oleh Rasulullah S.A.W dalam perniagaan baginda dimana baginda tidak mengambil keuntungan secara berlebih-lebihan.

Seterusnya, penyelidik telah berkunjung ke Bazar Karat yang semakin menjadi tarikan warga tempatan malah pelancong dari luar negara. Penyelidik mendapati walaupun terdapat persaingan yang hebat dikalangan peniaga kecil namun mereka sentiasa mengamalkan sikap sabar dan toleransi dalam berurusan sesama mereka dan juga pengunjung yang sentiasa bertali arus.

Cuma penyelidik berasa amat kecewa dengan kebanjiran barang tiruan seperti pakaian berjenama, kasut sukan serta cakera video filem dan lagu diniagakan secara berleluasa. Ini amat bertentangan dengan kehendak keusahawanan Islam yang menafikan hakcipta pengeluar asal dan pemilik barang tersebut.

Seterusnya penyelidik telah berkunjung ke Pasar Awam Larkin yang menempatkan hampir 800 orang peniaga yang majoritinya peniaga kecil muslim. Majoriti pengunjung yang berkunjung ke situ iaitu 60 peratus adalah warga Singapura dan memborong bahan-bahan mentah seperti makanan laut, sayur-sayuran, buah-buahan, pakaian serta barang kelengkapan rumah.

Penyelidik mendapati harga barang yang dijual agak berpatutan walaupun sedikit tinggi kerana permintaan dan kuasa membeli yang tinggi dari warga Singapura.

## **TEMUBUAL**

Dalam melakukan penyelidikan, penyelidik telah melakukan temubual dengan beberapa responden dari kalangan peniaga kecil muslim diantaranya ialah Haji Khalid seorang pengurup wang, Encik Sufian seorang pemilik kedai alat ketukangan, Puan Liza seorang pemilik butik dan Encik Shafie seorang peniaga ayam daging. Dalam temubual tersebut, penyelidik telah mendapat maklumat berkaitan keusahawanan Islam.

Dalam temubual tersebut, penyelidik telah memperolehi beberapa maklumat perihal keusahawanan yang telah mereka lalui bermula dari segi modal, pekerja, pembekal, persekitaran perniagaan dan pelanggan.

Secara umum, sesebuah perniagaan akan mengalami pelbagai cabaran dan pasang surut. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti perbelanjaan melebihi pendapatan. Ini disebabkan oleh para pelanggan yang berhutang enggan menjelaskan hutang mengikut tempoh yang ditetapkan malah ada dikalangan mereka yang enggan membayar langsung hutang mereka.

Penyelidik juga telah mendapatkan pandangan mereka dalam menangani perihal hutang. Haji Khalid seorang pengurup wang, Encik Sufian seorang pemilik kedai alat ketukangan, Puan Liza seorang pemilik butik dan Encik Shafie seorang peniaga ayam daging, mereka mengganggap masalah ini sebagai satu situasi yang sukar bagi mereka untuk ditanggani dan mereka hanya bertawakkal kepada Allah S.W.T.

Mereka tidak menggunakan kekerasan atau paksaan dalam menagih hutang dan menggunakan cara yang berhemah untuk menagih hutang daripada pelanggan.

Selain berdoa kepada Allah S.W.T dalam usaha mendapatkan keuntungan dalam perniagaan.

Hal ini sama dengan apa yang difirmankan oleh Allah S.W.T dalam al-Quran;

*“Dan jika dalam kesukaran, maka berilah tangguh sampai dia berkelapangan. Dan menyedekahkan itu, lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui.”*

(al-Baqarah, 2:280)

Ini adalah keistimewaan bagi seseorang usahawan Muslim yang tidak dimiliki oleh usahawan bukan Muslim iaitu memberikan kelonggaran masa untuk pelanggan membayar hutang adalah satu sifat yang terpuji.

Dalam menjalankan perniagaan, Haji Khalid seorang pengurup wang, Encik Sufian seorang pemilik kedai alat ketukangan, Puan Liza seorang pemilik butik dan Encik Shafie seorang peniaga ayam daging memiliki prinsip yang berbeza dengan kebanyakan usahawan yang lainnya. Mereka berpendapat bahawa “Walaupun kami tidak mendapat keuntungan yang banyak tetapi menjadi keutamaan bagi kami ialah kepuasan dan kesenangan pelanggan”. Berdasarkan kenyataan daripada mereka kepada penyelidik telah menggambarkan bahawa prinsip yang dipegang oleh mereka merupakan salah satu cara keusahawanan Islam bagi mengekalkan kesetiaan untuk tempoh jangka panjang bagi pelanggan mereka.

## **PENUTUP**

Menurut kaedah observasi dan temubual, penyelidik dapat menggambarkan bahawa keusahawanan Islam dikalangan peniaga kecil di Johor Bahru ini sudah mula menunjukkan kemajuan kerana telah terdapat segelintir usahawan yang telah mula mempraktikkannya.

Keusahawanan Islam yang merupakan perniagaan yang bersandarkan kepada al-Quran dan Hadis ini sewajarnya harus dipraktikkan oleh semua usahawan Muslim yang inginkan keuntungan di dunia dan di akhirat. Bagi memastikan perkara ini dapat dilaksanakan dengan jayanya, usahawan Muslim hendaklah menjalankan perniagaannya seperti ditentukan oleh hukum syarak.

## **REFERENCES**

Abdul Rachman Husein, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi (2009). Strategi Keusahawanan Islam Di Kalangan Peniaga Kecil: Kajian Kuala Lumpur.

[https://ms.wikipedia.org/wiki/Johor\\_Bahru](https://ms.wikipedia.org/wiki/Johor_Bahru)

<http://www.fama.gov.my/pasar-tani>

<http://www.sinarharian.com.my/edisi/johor/bazar-karat-kini-lebih-hidup-1.405437>

<http://www.sinarharian.com.my/semasa/gambaran-pasar-awam-larkin-terjejas-tidak-benar-1.342926>

Kamus Bahasa Malaysia Edisi Pelajar (1983), cetakan ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan (1989). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Musnad Ahmad, Kitab Musnad al Syamayn, Bab Hadis Rafi' bin Hadij RA, no. hadis.16628